

Headline **Tokek digilai pemburu haram**
Date **13 Jan 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **MOHD. ZAINI SAMSU HADI**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **492 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,278**
PRValue **12,833**



Didakwa mampu menyembuh penyakit, harga mencecah jutaan ringgit

Tokek digilai pemburu haram

Oleh **MOHD. ZAINI SAMSU HADI**
zaini.hadi@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Tokek atau gikgo. Apakah sebenarnya keistimewaan haiwan ini sehingga ramai pemburu mahu memiliki haiwan tersebut.

Tanpa disedari ramai pemburu haram kini sanggup meredah hutan di Semenanjung bagi mencari tokek.

Tokek didakwa mampu dijual pada harga mencecah puluhan juta ringgit dan paling kurang RM20,000 bagi setiap seekor.

Ekoran kegilaan dengan harga lumayan itu, pemburu haiwan kini mula memberi tumpuan mencari haiwan tersebut di serata hutan.

Dikatakan sebelum nama tokek meniti mulut ke mulut dalam kalangan rakyat negara ini, haiwan itu terlebih sudah popular di Indonesia.

Bayangkan, tokek pernah menjadi produk perniagaan bagi penduduk yang tinggal di kawasan perkampungan miskin pedalaman Indonesia seperti di Banjarsawah.

Mereka sanggup meredah hutan dan menangkap haiwan itu.

Tokek didakwa mula menarik perhatian apabila ramai ahli perubatan China dan Korea percaya lendir daripada haiwan itu mampu merawat kanser, penyakit kulit serta pernafasan.

Terbaru ramai dalam kalangan pemburu tokek percaya lendir daripada reptilia itu mampu untuk mengubati penyakit HIV pula.

Namun aktiviti mencari tokek secara berleluasa di republik itu telah menyebabkan haiwan tersebut semakin pupus di negara berkenaan.

Sejak itu, pemburu tokek dari Indonesia didakwa mu-

la menyeludup masuk ke Sabah dan Sarawak untuk mencari tokek.

Malah pada masa kini, pencerobohan rakyat Indonesia didakwa merebak sehingga ke hutan di sekitar Terengganu dan Johor.

Kegiatan memburu tokek turut menjadi ikutan oleh pemburu haram rakyat negara ini apabila tersebar cerita bahawa haiwan itu laris untuk dijual dan mempunyai harga yang tinggi.

Keadaan itu dikatakan turut menyebabkan tumpuan pemburu haram yang sebelum ini menjadikan harimau sebagai sasaran telah beralih kepada tokek.

Seorang pemburu haram berkata, dia mula memburu tokek pada pertengahan tahun lalu selepas mendapat banyak permintaan daripada pembeli haiwan eksotik di negara ini.

"Saya banyak memburu tokek di hutan di sekitar Johor namun dalam tempoh itu saya tidak pernah menemui tokek di Johor.

"Bagaimanapun, saya pernah menangkap seekor tokek yang tersesat masuk ke dalam ladang saya di Negeri Sembilan bulan lalu," kata pemburu itu.

Tokek yang masih kecil itu dijual dengan harga RM16,000.

Seorang pembeli haiwan eksotik pula berkata, permintaan terhadap tokek sangat tinggi dan sejak terlibat dalam urusan menjual haiwan liar lebih 10 tahun lalu, permintaan terhadap tokek sungguh luar biasa.

"Saya hampir melupakan bisnes menjual haiwan eksotik lain kerana menumpukan kepada jual beli tokek," kata pembeli haiwan itu yang enggan dikenali.

Menurutnya lagi, dalam tempoh tiga bulan lalu dia telah membeli dan menjual

semula lebih lima ekor tokek dengan harga paling murah RM50,000 bagi setiap seekor.

Katanya, harga tokek bergantung kepada saiz haiwan itu dan jika tokek yang mempunyai berat lebih 350 gram, harganya boleh mencecah jutaan ringgit.

Cerita pembeli itu, dia pernah ditawarkan seekor tokek yang mempunyai be-

rat badan lebih sekilogram dengan harga RM1 juta di selatan Thailand.

"Saya bersetuju untuk membeli tokek itu namun haiwan itu dijual kepada pembeli lain dengan harga lebih mahal," kata pembeli haiwan eksotik itu.

➤ Saya kini hampir melupakan bisnes menjual haiwan eksotik lain kerana menumpukan kepada jual beli tokek

PEMBELI HAIWAN EKSOTIK

Info Tokek

● Sejenis cicak besar yang dikenali sebagai tokek di Indonesia

● Mempunyai saiz kepala besar, berkulit kasar manakala tubuhnya dipenuhi bintik.

● Pada umumnya haiwan itu berwarna kelabu kebiruan atau kelabu kehijauan dan coklat.

● Badan haiwan itu dipenuhi bintik-bintik berwarna merah kekuning-kuningan.

● Ekor tokek bersaiz besar biasanya berbentuk bulat tetapi ada juga berbentuk persegi manakala hujungnya bulat memanjang.

● Tokek mempunyai nilai tinggi di pasaran pada masa ini kerana ia dipercayai mempunyai khasiat mujarab merawat pelbagai penyakit termasuk HIV/AIDS.

● Setelah mencecah berat 350 gram (g) ke atas, tokek didakwa boleh mengeluarkan satu enzim yang mampu mengubati penyakit HIV/AIDS.

● Harga seekor tokek di pasaran boleh mencapai RM3 juta jika berat haiwan tersebut mencecah 500 gram.



Headline **Tokek digilai pemburu haram**
Date **13 Jan 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **MOHD. ZAINI SAMSU HADI**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **8**
Article Size **492 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,278**
PRValue **12,833**



TOKEK yang menjadi kegilaan pemburu haram di negara ini kerana didakwa mampu merawat pelbagai penyakit.